

Anda sedang membaca akhbar
paling berpengaruh

Kerajaan tak cadang tarik balik taraf bebas cukai di Langkawi

U.M. 16 JUL 1991



LANGKAWI 15 Julai - Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang menarik balik taraf bebas cukai yang diberikan kepada Pulau Langkawi kerana para peniaga sudah mula menurunkan harga barang-barang jualan mereka.

Oleh
Sopha Sulaiman

"Kerajaan mahu para pelancong yang datang ke Langkawi terus mendapat nikmat daripada pengecualian cukai," kata Dato' Sri Dr. Mahathir kepada para pemberita selepas melawat projek-projek pembangunan di sini hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri pernah memberi amaran untuk menarik balik taraf bebas cukai yang diberikan kepada Langkawi sejak 1987 berikutan tindakan para peniaga mengambil kesempatan mengaut keuntungan daripada para pelawat.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, kerajaan tidak mahu para peniaga sahaja yang mengecap nikmat sedangkan pengunjung-pengunjung ke pulau itu tidak mendapat faedah yang sama daripada pengecualian cukai yang diberikan oleh kerajaan.

"Sebab itu, sebelum ini saya berasa tidak begitu senang hati dengan tingkah laku sesetengah peniaga yang mengambil untung terlalu tinggi," kata beliau lagi.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya para peniaga mendapat

LIHAT MUKA 2

TAK CADANG TARIK BALIK TARAF BEBAS CUKAI

untung terlalu banyak, ia bermakna mereka telah menjual barang-barang dengan harga yang mahal, dan "kalau harga mahalpun boleh laku, tak perlulah lagi pengecualian cukai."

Bagaimanapun, kata Dato' Sri Dr. Mahathir, oleh kerana ada sedikit perubahan positif yang ditunjukkan oleh kalangan peniaga di sini sekarang, kerajaan tidak bercadang menarik balik taraf bebas cukai tersebut.

Menjawab pertanyaan tentang Langkawi menjelang 2020, Dato' Sri Dr. Mahathir yakin, pulau itu akan menjadi sebuah pusat pelancongan yang terbesar di Malaysia.

"Pertumbuhan Langkawi sekarang adalah jauh lebih pesat daripada mana-mana tempat di negara ini dan dengan wujudnya hotel-hotel bertaraf antarabangsa, kemajuan yang dirancang akan dicapai sebelum 2020," katanya.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan terus membenarkan perhatian terhadap pembangunan di Langkawi dan meran-

cang pddag projek seperti pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan mengatur pertunjukan udara dan laut peringkat antarabangsa pada bulan November ini.

Beliau berpuashati dengan rekabentuk dan kerja-kerja pembesaran lapangan terbang tersebut yang dijadualkan siap satu bulan lebih awal dari masa yang ditetapkan.

Kata Perdana Menteri, oleh kerana pulau itu masih kekurangan bilik untuk menampung keperluan pelancong, pihak Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) telah meluluskan pembinaan sebuah lagi hotel bertaraf antarabangsa mengandungi 300 bilik dan perlu disiapkan dalam masa empat bulan.

Beliau berharap, pihak kontraktor yang akan membina hotel bertaraf lima bintang itu dapat menyiapkan hotel itu lebih awal supaya dapat digunakan semasa pertunjukan udara November ini.